

Graduan contoh

■ Inisiatif Siti Rubiah wujud peluang kerja wajar diikuti

Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur


Sudah tiba masanya graduan melakukan transformasi minda daripada mengharapkan kerja makan gaji dengan majikan kepada mencipta peluang pekerjaan.

Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran ber-

kata, perubahan era digital dan teknologi memberi kesan pengurangan kepada tenaga kerja yang menuntut graduan berfikir di luar kotak dan memiliki keupayaan berdaya saing.

“Memiliki ijazah bukan tiket makan gaji lagi. Konsep dan budaya 20 tahun lalu tidak boleh diguna pakai dalam era digital sekarang.

“Sekarang era



penggunaan robotik dan teknologi maklumat tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai.

“Jadi kalau minda tak diubah, lepas dapat ijazah masih bergantung kerja dan makan gaji, kita akan nampak lambakan graduan tidak bekerja,” katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Metro Ahad semalam mengenai kebijaksanaan pemegang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) Universiti Utara Malaysia (UUM) bekerja sebagai

FAKTA
Transformasi petani atau nelayan memiliki ijazah sudah lama dipraktikkan di AS

nelayan bersama suami dan menggunakan ilmu dipelajari untuk memasarkan hasil tangkapan di Facebook (FB).

Menurut Dr Mohammad Shatar, tindakan Siti Rubiah Wahid, 36, yang memilih turun meredah lautan ganas sebagai nelayan berbanding kerjaya selesa di pejabat adalah inisiatif yang perlu dicontohi graduan.

Menurutnya, inisiatif itu sangat digalakkan kerana selaras dengan Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-(Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 yang mahu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan

14-11-2016

setempat

27

dan seimbang.

“Saya sarankan graduan kita mencontohi apa yang dilakukan Siti Rubiah. Walaupun tak bekerja selesa dalam bidang ijazah yang diperoleh, dia mampu menggunakan ilmu dipelajari di universiti termasuk memasarkan hasil tangkapan melalui FB mengikut kaedah pemasaran semasa.

“Tak mustahil orang seperti ini boleh hidup mewah dan pada masa sama, membantu kerajaan menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan lain,” katanya.

Katanya, masyarakat memainkan peranan dengan memberi sokongan bukan melabel graduan ini tiada standard jika bekerja jauh dari kelayakan dimiliki.

“Kebanyakan negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) sudah melakukan transformasi ini apabila rata-rata petani mereka yang mengusahakan ladang soya, jagung dan kentang memiliki ijazah,” katanya.